



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

14 JANUARI 2021

1. Bukan untuk bersantai. Ada penjawat awam bekerja dari rumah pergi beli belah di pasar raya
2. Ada penjawat awam keluar bersantai
3. Kes kakitangan kerajaan langgar arahan BDR terpencil
- 4.

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

'Bukan untuk bersantai'



GAMBAR
fail menunjukkan
penjawat awam
melafazkan ikrar
taat setia pada Majlis
Amanat Perdana
Perkhidmatan Awam
ke-16 di Putrajaya
pada 2018.

Ada penjawat awam bekerja dari rumah pergi beli-belah di pasar raya

KIRA-KIRA 1.6 juta penjawat awam diingatkan supaya tidak mengambil kesempatan bekerja dari rumah (BDR) sebagai peluang untuk bersenang-senang, keluar bersantai atau membeli-belah di pasar raya kerana ia memberi imej buruk kepada perkhidmatan awam.

Ketua Pengarah

Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd. Khairul Adib Abd. Rahman (**gambar kecil**) berkata, terdapat penjawat awam melakukan perkara itu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sebelum ini biarpun arahan BDR mewajibkan mereka berada di rumah ketika bertugas.

» BERITA PENUH DI MUKA 2

Beli-belah di pasar raya ketika bekerja dari rumah sepanjang tempoh PKP 1.0

Ada penjawat awam keluar bersantai

Oleh NOR IDAYU BOSRO
dan RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam mendedahkan terdapat penjawat awam yang bekerja dari rumah (BDR) keluar bersantai atau membeli-belah di pasar raya sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

Tan Sri Mohd. Khairul Adib Abd. Rahman berkata, tindakan itu ternyata bertentangan dengan arahan yang mewajibkan semua pegawai terlibat berada di rumah masing-masing ketika BDR dijalankan.

“Terdapat isu yang ditimbulkan berkaitan penjawat awam yang bersikap sambil lewa dan menggunakan kesempatan BDR untuk keluar bersantai atau membeli-belah di pasar raya.”

“Kes-kes sebegini menimbulkan persoalan setakat mana amanahnya kita sebagai penjawat awam walaupun hal ini bukan dikategorikan sebagai rasuah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam 2021: Mendeapani Cabaran Melangkaui Ekspektasi yang disiarkan secara virtual di Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam semalam.

Mohd. Khairul mengingatkan kira-kira 1.6 juta penjawat awam supaya tidak mengambil kesempatan BDR sebagai peluang bersenang-senang, keluar bersantai atau membeli-belah di pasar raya kerana ia boleh memberi imej buruk kepada perkhidmatan awam.

Katanya, ketirisan integriti



BDR dilaksanakan bagi menjaga kebajikan penjawat awam serta pekerja di negara ini. – GAMBAR HIASAN



KERATAN Kosmo/kelmarin.

dan amanah juga akan membawa kepada pelbagai isu lain yang memberi kesan terhadap penilaian pelanggan dan imej perkhid-

matan awam itu sendiri.

“Sebagai contoh, pekerja yang kurang amanah, mungkin akan bekerja sambil lewa, tidak fokus dan berlengah-lengah menyiapkan tugas.”

“Tugasan yang boleh siap dalam masa satu hari, mungkin akan mengambil masa beberapa hari,” ujarnya.

Dalam pada itu, Mohd. Khairul juga mahu semua penjawat awam mengambil tahu perlakuan rakan-rakan di tempat kerja bagi mencegah kegiatan rasuah dalam

perkhidmatan awam.

Katanya, rasuah akan terus menjadi barah jika kegiatan itu tidak segera ditangani sehingga ia terpalit kepada kumpulan majoriti yang berintegriti dalam melaksanakan tugas.

“Jika dahulu kegiatan ini dilihat hanya terpicil kerana ia membabitkan sebilangan kecil penjawat awam, namun sekarang kita semua tidak boleh berdiam.”

“Kita tidak boleh lagi mengamalkan sikap ‘jangan jaga tepi kain orang, kita patut sama-sa-

Peraturan BDR

- Sentiasa berada di rumah sebagai tempat bekerja dalam tempoh waktu bertugas yang ditetapkan
- Sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh, hari dan waktu bekerja
- Sentiasa bersedia untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain yang diarahkan ketua jabatan dalam tempoh munasabah
- Mematuhi semua undang-undang, peraturan, pekikling dan arahan yang dikuat kuasa

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam

ma memerhati perlakuan rakan-rakan di sekeliling kita,” ujarnya.

Kelmarin Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali dilaporkan kerajaan akan beroperasi dengan kehadiran 30 peratus kumpulan pengurusan.

Kumpulan sokongan pula ditentukan ketua jabatan masing-masing sepanjang tempoh PKP, PKP Bersyarat (PKPB) dan PKP Pemulihan (PKPB) dari 13 hingga 26 Januari ini.

Mohd. Zuki berkata, sistem penggiliran dan BDR masih diteruskan mengikut keperluan dengan mengambil kira kebajikan penjawat awam.

PKP dilaksanakan di Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah.

PKPB pula dilaksanakan di Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu dan Kelantan, manakala PKPP di Perlis serta Sarawak.

Kes kakitangan kerajaan langgar arahan BDR terpencil



ADNAN

PETALING JAYA – Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mengesahkan wujudnya kes penjawat awam tidak mematuhi peraturan bekerja dari rumah (BDR) sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

Presidennya, Adnan Mat bagaimanapun berkata, kes yang dilaporkan terpencil dan didapati tidak memberi masalah besar kepada penyampaian perkhid-

matan awam.

"Susulan itu, kami menyarankan ketua jabatan supaya membuat keputusan bijak dalam mengatur tugas kakitangan masing-masing.

"Sistem penggiliran BDR dan bekerja di pejabat perlu disusun dengan sebaiknya.

"Penggiliran tugas yang baik boleh menjadikan kakitangan mereka tidak tertekan dan sentiasa segar," katanya kepada Kosmo/semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd. Khairul Adib Abd. Rahman yang mahu penjawat awam tidak mengambil kesempatan BDR sebagai peluang untuk keluar bersantai atau membeli-belah di pasar raya.

Sementara itu, Adnan memberitahu, Cuepacs turut mengingatkan semua penjawat awam yang masih berada di kampung untuk kembali ke stesen masing-

masing.

"Mereka perlu pulang ke stesen masing-masing untuk memudahkan kerja ketika PKP memandangkan polis memberi kelonggaran sehingga Jumaat ini (esok) untuk merentas negeri bagi mereka yang terkandas.

"Arahan ini bukanlah bermaksud situasi sekarang serius, sebaliknya penjawat awam perlu faham dengan amalan BDR yang mula dilaksanakan sejak PKP Mac tahun lalu," ujarnya.